



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

PPT UiTM National Virtual Innovation Competition 2022 (PPTNVIC'22)

Disediakan oleh:
Nurain Johar
Nur Nadia Qausar Juhari
Norliza Gerunsin

Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT), Universiti Teknologi MARA (UiTM) buat pertama kalinya telah menganjurkan pertandingan inovasi iaitu The PPT UiTM National Virtual Innovation Competition 2022 (PPTNVIC'22). Objektif utama program ini adalah untuk memupuk minat dan mendorong para pensyarah dan pelajar untuk membangunkan inovasi dalam kandungan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta mencungkil bakat dan kebolehan pensyarah sebagai fasilitator dan pelajar sebagai peserta dalam pertandingan inovasi. Apa yang lebih membanggakan, para pelajar pra diploma di UiTM Kampus Mukah telah menyahut cabaran dan bertanding dalam pertandingan inovasi ini.

Sebanyak 6 kumpulan pelajar yang terdiri daripada 14 orang pelajar Pra Diploma Sains (PD007/008) dan 3 orang pelajar Pra Diploma Agroteknologi (AT001/002) telah mempersembahkan idea inovasi mereka dalam pertandingan ini. Kumpulan ini turut dibantu oleh para pensyarah yang bertindak sebagai fasilitator bagi kumpulan terlibat. Mereka adalah terdiri daripada 5 orang pensyarah iaitu Dr. Mohamad Izwan Ismail

(Pensyarah Kanan FSG) yang menjadi fasilitator bagi 2 kumpulan pelajar pra diploma sains, Cik Nurain Johar, (Pensyarah FSG) yang menjadi fasilitator bagi 3 kumpulan pelajar pra diploma sains yang turut dibantu oleh Puan Firus Musfirah Poli (Pensyarah FSG) dan Encik Mohd Hafizz Wondi (Pensyarah FPA) dan Puan Norliza Gerunsin (Pensyarah FPA) yang turut memimpin sebagai fasilitator bagi 1 kumpulan pelajar pra diploma agroteknologi.

Hari kemuncak bagi program ini telah diadakan pada 4 Februari 2022 secara atas talian menggunakan saluran rasmi YouTube UiTM Channel dan dimulakan dengan ucapan penutup oleh YBhg. Professor Dr. Mohd Sazili Shahibi (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM) yang juga pada ketika itu merangkap sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan Penyelidikan UiTM dan juga Penasihat bagi program inovasi anjuran PPT ini. Upacara pengumuman pemenang memperlihatkan penyertaan pelajar pra diploma daripada UiTM Kampus Mukah telah memperoleh kemenangan 1 - Gold Award, 4 - Silver Awards dan 1 - Bronze Award. Kejayaan lebih manis telah berjaya diraih apabila satu kumpulan pelajar pra diploma sains dibawah pimpinan Dr. Mohamad Izwan Ismail telah berjaya merangkul Sapphire Awards iaitu tempat keempat keseluruhan dengan inovasi mereka bertajuk BIO4NEWBS. Bagi meraikan kejayaan para pelajar Ketua Pusat Pengajian Sains, Perlindungan & Agroteknologi iaitu Encik Muhamad Syukrie Abu Talip telah sudi untuk turun ke Dewan Balau bagi menyampaikan hadiah dan sijil kemenangan kepada para pelajar terlibat.



Poster Pemakluman Pertandingan PPTNVIC'22



Antara Anugerah yang dimenangi